



## JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.jwp.gov.my](http://www.jwp.gov.my)

---

## KENYATAAN MEDIA

---

### SEMARAKKAN SEMANGAT MALAYSIA MADANI: JIWA MERDEKA

**PUTRAJAYA, 22 OGOS 2024** – YB. Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) hari ini menyempurnakan sesi penyerahan dan pemasangan Jalur Gemilang di kenderaan-kenderaan rasmi jabatan sempena Hari Kebangsaan 2024 di Menara Seri Wilayah.

Sambutan Bulan Kebangsaan dan Jalur Gemilang telah dilancarkan pada 21 Julai dengan tema Malaysia Madani: Jiwa Merdeka sebagai tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024. Ia membawa maksud perlambangan kesepaduan secara holistik negara yang maju dan progresif menaungi rakyat yang berbilang kaum, bersatu hati dan teguh jati dirinya.

25 buah kenderaan pelbagai jenis termasuk kenderaan rasmi Jabatan Wilayah Persekutuan, Putrajaya Holdings, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Pusat Pencegahan Jenayah Nasional (NFCC), Angkatan Pertahanan Awam Negeri Wilayah Persekutuan (APAM) dan Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (AADK) juga bersama-sama menyertai pemasangan Jalur Gemilang pada hari ini. Semangat patriotisme menjelang Hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini perlu disemarakkan dengan lebih bersemangat.

Aktiviti mendekorasi 1000 biji Cupcake turut diadakan pada petang ini untuk menghasilkan seni kreativiti peserta yang bertemakan Hari Kebangsaan 2024. Kerjasama rakan strategik; Putrajaya Holdings dan The Everly Putrajaya sekali gus memupuk semangat kerjasama pihak swasta dalam menyemarakkan semangat jiwa merdeka.

Aktiviti ini juga dapat memperkuuhkan identiti kebangsaan Malaysia untuk menghargai kepelbagaian budaya, agama dan etnik yang menjadi kebanggaan negara. Meningkatkan kesedaran dan penghayatan kemerdekaan negara dalam kalangan masyarakat supaya terus berusaha membina masa depan yang lebik baik.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Jabatan Wilayah Persekutuan**

**22 Ogos 2024**